

Gempa bumi di Chile

Harian Metro 04/05/2010

Penjenayah kuasai bandar

M/S 40

Penduduk lebih takut penjahat daripada gempa bumi

CONCEPCION: Beribu-ribu lagi anggota tentera dikerah ke kawasan bencana sementara sukarelawan bersenjata mula meronda kawasan kediaman bagi mengekang kegiatan penjahat, semalam.

Dengan reputasi kestabilan negara itu terancam, pihak berkuasa bertindak pantas dalam usaha menangani keadaan di beberapa bandar yang dikuasai kumpulan penjahat selepas Chile dilanda gempa bumi Sabtu lalu.

"Penjahat sudah menguasai bandar. Kami kini lebih takut kepada penjenayah daripada gempa bumi," kata Marcelo Rivera, Datuk Bandar Huapén kepada radio Chile.

Presiden Michelle Bachelet

meningkatkan jumlah tentera kepada 14,000 untuk mengawal kawasan paling teruk dilanda gempa berukuran 8.8 magnitud itu.

Beberapa lokasi penting di Concepcion, bandar raya kedua terbesar Chile selepas Santiago dikawal oleh kereta kebal sementara perintah berkurung 18 jam juga dikuatkuasakan.

"Anggota tentera akan mengawal jalan raya dari malam hingga tengah hari untuk memastikan ketenteraman wujud dan mereka tidak akan teragak-agak untuk menjalankan tugas masing-masing," kata ketua tentera, Jeneral Guillermo Ramírez.

Perintah berkurung serupa juga dikenakan terhadap tiga

bandar lain yang terjejas teruk akibat gempa itu yang sungguh kuat hingga menyebabkan tsunami.

Saintis pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan Amerika Syarikat (NASA) berkata, gempa bumi itu mungkin turut mengalihkan paksi bumi.

Bakal presiden baru Chile, Sebastian Pinera yang mengambil alih pucuk pemerintahan negara itu pada 11 Mac depan berkata, kekacauan yang dicituskan oleh penjahat tidak boleh diterima sama sekali.

"Ya memburukkan lagi keadaan," katanya sambil menyuarakan sokongan terhadap usaha Michelle mengembalikkan ketenteraman. - AP